

25 JUL 2003

Mahathir-Formula (Bergambar)

KEKALKAN TOLERANSI UNTUK TERUS AMAN DAN MEMBANGUN - DR MAHATHIR

MIRI, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat harus mengekalkan toleransi dan perasaan sensitif terhadap budaya, adat resam dan agama antara satu sama lain bagi memastikan negara terus aman dan membangun.

Beliau berkata formula ini dicipta oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, perdana menteri pertama, yang juga telah membawa negara merdeka setelah sekian lama dijajah.

"Tidak kira siapa perdana menteri atau ketua menteri selepas ini tetapi formula toleransi dan sensitiviti ini harus dikekalkan rakyat sampai bila-bila supaya negara terus aman, membangun dan makmur," katanya semasa merasmikan bangunan terminal baru Lapangan terbang Miri berharga RM210 juta di sini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Seri Laila Taib, Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy serta ribuan rakyat.

Dr Mahathir berkata setiap rakyat bertanggungjawab mengekalkan formula ini supaya generasi seterusnya dapat terus menikmati pembangunan pada masa akan datang dan sampai bila-bila.

Perdana Menteri berkata sikap rakyat yang bertanggungjawab juga amat diperlukan dan penting dalam membawa kemakmuran kepada negara.

"Rakyat, pekerja, kesatuan sekerja, syarikat, kakitangan kerajaan, polis dan tentera di negara ini, semua mempunyai sikap tanggungjawab yang tinggi (selama ini) terhadap negara," katanya.

Beliau berkata kesatuan sekerja misalnya tidak mengambil tindakan seperti mogok dan rusuhan dalam menuntut hak pekerja dan ini menggalakkan pelaburan yang membawa syarikat membuka perusahaan dan perdagangan mereka di negara ini.

"Dari keuntungan syarikat kita kutip 28 peratus cukai dan ini kita gunakan untuk memakmurkan negara termasuk membina lapangan terbang dan membantu rakyat yang kurang upaya dan daif.

"Oleh itu janganlah dengki dengan orang yang kaya kerana mereka memberi sumbangan yang besar membangunkan negara termasuk membuka perusahaan yang memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat terutama golongan miskin untuk mencari rezeki," katanya lagi.

Mengenai Sarawak, Dr Mahathir berkata negeri ini bertuah bukan sahaja kerana mempunyai sumber asli yang banyak seperti minyak tetapi rakyatnya juga bijak memilih sebuah kerajaan yang kukuh.

"Sarawak adalah sebuah negeri yang pesat membangun, lebih maju dari sesetengah negeri di Semenanjung, kerana rakyat memilih kerajaan Barisan Nasional (BN) yang kukuh," katanya.

Beliau berkata kalau BN Sarawak mempunyai hanya kelebihan satu kerusi di Dewan Undangan Negeri tentu pemimpinnya sibuk mengatur kerja-kerja politik kerana takut kerajaan akan tumbang pada bila-bila masa.

"Tetapi dengan BN yang kuat, tumpuan dapat diberikan sepenuhnya kepada kerja membangunkan negeri dan rakyat, dan bukan buat kerja politik yang tidak berfaedah," katanya.

Lantaran itu, Dr Mahathir berkata rakyat juga harus memberi sokongan kepada pemimpin yang boleh mentadbir negeri dengan baik.

-- BERNAMA

MT SR RON

